

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Zulkaedah 1445H/ Mei 2024

ACIS

Talkin dalam Neraca Syarak 3

Membimbing dengan cara yang baik,
bukan menjadikan yang baik 6

Daging Kultur 7

Hikmah Dalam Kehidupan 9

Rezeki dalam Perniagaan 10

Kemeriahan Sambutan Hari Raya
ACIS, UHEI & ALUMNI Negeri
Sembilan 1445H dan Majlis Persaraan
Ustazah Norlela 12



e-ISSN 2600-8289



9 772600 828001

Membimbing dengan cara yang baik, bukan menjadikan orang baik

Oleh:

Hajah Makiah Tussaripah binti Jamil

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Mendidik manusia adalah satu kesenian. Ia menuntut kepada ilmu dan cara yang baik dan benar. Seringkali dan biasa didengar apabila ada ibu bapa yang mengeluh kerana sikap anaknya yang nakal. Ibu bapa merasakan bahawa sudah membimbing anaknya dengan baik. Tetapi anaknya tetap tidak menjadi semakin baik, sebaliknya menjadi semakin nakal dan tidak baik. Hal yang sama turut dialami oleh ramai guru serta para pendidik serta suami dengan isterinya. Salahkah jika sebagai suami dan bapa, kita gagal mendidik anak atau isteri menjadi lebih baik? Salahkah kita sebagai guru dan pendidik, jika belum mampu mengubah pelajar menjadi lebih baik? Dan salahkah kita sebagai orang tua kalau kita belum mampu menjadikan anak kita sebagai anak yang baik? Jawapannya boleh jadi ya, boleh jadi tidak.

Hal pertama yang perlu diketahui dan difahami ialah agama tidak membebani kita sesuatu yang berada di luar kemampuan manusia. Tuhan tidak akan meminta kita bertanggungjawab dengan sesuatu yang berada di luar kuasa kita. Nabi sendiri di dalam Al-Quran disebut sebagai pemberi peringatan dan pembawa khabar gembira (*basyiran wa nadzira*). Tetapi tidak ada satu ayat pun di dalam Al-Quran yang membolehkan Nabi untuk memaksa orang lain beriman. Bahkan, ayat-ayat yang ada sebaliknya menegaskan prinsip kebebasan memilih bagi setiap manusia. Nabi tidak mempunyai kuasa untuk memaksa. Adalah sesuatu yang benar bahawa kasih sayang nabi yang besar kepada umatnya kadang boleh membuat nabi bersedih hati apabila ada di antara mereka yang tidak memenuhi seruannya. Namun pada akhirnya, setiap orang mempunyai pilihan dan agama tidak pernah berkehendak untuk mencabut kebebasan memilih tersebut dari setiap manusia.

Sebagai ibu bapa, kita bertanggungjawab mendidik anak-anak dengan cara-cara yang baik. Sebagai suami, kita juga bertanggungjawab untuk mendidik dan memberi nasihat kepada isteri dengan cara-cara yang baik. Tetapi hasil tidak selamanya bertepatan dengan usaha yang dilakukan. Seringkali berlaku usaha dan upaya yang dilakukan bagi membimbing seseorang ke jalan yang baik belum tentu bisa dan mampu menjadikan orang itu benar-benar baik. Terdapat kisah nabi yang anak dan isterinya menjadi orang kafir. Seperti kisah Nabi Nuh dan Nabi Lut. Bapa saudara Rasulullah SAW juga ada yang kafir tidak beriman kepada Allah. Bahkan namanya juga secara jelas diabadikan di dalam Al-Quran.

Apakah dengan adanya kenyataan itu kita boleh mengatakan bahawa para anbiya' itu sebagai orang-orang yang gagal dalam mendidik dan membimbing orang-orang yang terdekat dengannya? Tentu sahaja tidak. Sudah pastinya para anbiya' telah berusaha untuk membimbing dan memberi

nasihat. Namun pada akhirnya, yang dibimbing itu adalah manusia, yang punya kebebasan dalam menentukan pilihan hidupnya. Sebagai manusia, kita tidak akan ditanya dengan sesuatu yang di luar kuasa kita. Tetapi kita akan ditanya tentang tugas-tugas yang berada dalam lingkaran kemampuan kita untuk membimbing mereka yang di bawah tanggungjawab kita menuju ke jalan yang baik. Sekiranya kita telah melakukan segala upaya dan usaha bagi mencapai tujuan tersebut, namun hasilnya tidak bertepatan dengan matlamat dan kehendak, maka yakinlah bahawa Allah tidak akan meminta kita bertanggungjawab tentang sesuatu yang berada di luar kuasa kita.

Namun apabila kita lalai dalam menunaikan tanggungjawab dan kewajipan tersebut, maka jelas keburukan isteri, anak mahupun murid adalah di bawah tanggungjawab kita. Dan pastinya kita akan diminta untuk bertanggungjawab di atas kelalaian tersebut. Sekiranya kita gagal memberi didikan yang baik kepada anak dan murid, sehingga mereka menjadi manusia yang hidupnya jauh dari tuntutan agama, maka kita perlu bertanggungjawab di atas kelalaian tersebut. Berbeza keadaannya jika kita telah berusaha untuk mendidik anak dan mereka yang di bawah tanggungjawab kita dengan cara yang baik, namun hasilnya tidak seperti yang diharapkan, maka kehidupan mereka sudah lagi bukan menjadi tanggungjawab kita. Oleh kerana itu, dalam mendidik, kita harus mempunyai kesedaran bahawa kita tidak diminta secara paksa agar menjadikan anak dan mereka yang berada di bawah tanggungjawab kita menjadi baik. Sebaliknya yang diminta dan dituntut dari kita adalah mendidik, menasihati dan membimbing dengan cara-cara yang baik.

Seringkali yang berlaku, sebagai ibu bapa kadang-kadang kita merasakan telah memberikan pendidikan yang baik kepada anak-anak. Sebaliknya yang diterima oleh si anak bukanlah cara mendidik yang baik. Sebagai contoh, mendidik dengan ancaman, ugutan, paksaan, gertakan dan kekerasan. Boleh jadi ibu bapa melakukan hal sedemikian dengan niat yang baik. Namun begitu, ketika didikan disampaikan dengan cara yang kurang baik, hasilnya juga tidak menjadi sesuatu yang baik. Oleh sebab itu, membetulkan cara mendidik juga tidak kurang pentingnya. Maka di manakah boleh kita perolehi panduan tentang kaedah dan cara mendidik itu? Jawapannya adalah dari al-Quran dan kehidupan Nabi Muhammad SAW. Dari sinilah pentingnya belajar agama. Ibu bapa punya kewajipan untuk mencari ilmu tentang bagaimana seharusnya mendidik dengan cara yang baik. Jika tidak, ibu bapa dan para pendidik akan mendidik semata-mata berdasarkan hawa nafsu mereka. Itulah sebenarnya yang menjadi penyebab kegagalan dalam mendidik. Berikanlah anak kita pendidikan yang baik dan dengan cara yang baik. Sekurang-kurangnya jika anak kita tidak menjadi orang yang baik, namun di sisi Tuhan kita akan dicatat sebagai seseorang yang telah berbuat baik.

Olahan dan kupasan dari buku Pesan-Pesan Kehidupan oleh Muhammad Nuruddin